

9<sup>th</sup> November 2023

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN SEMULA PENSIJILAN RSPO (P&C).**

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan / Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

**FGV Holdings Berhad – FGVPISB Serting Hilir Palm Oil Mill**, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian semula atas piawaian pensijilan Rundingan Meja Bulat Kelestarian Minyak Sawit (RSPO P&C).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- RSPO Principle & Criteria Certification (RSPO P&C 2018) – Malaysia National Interpretation (MYNI) Nov 2019 – Mass Balance [MB]

Seerti yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **26<sup>th</sup> – 30<sup>th</sup> Disember 2023** di pejabat syarikat seperti tertera. Jadi Tuan/Puan boleh menghantar sebarang komen jika berkenaan dalam tempoh masa bermula sekarang sehingga closing meeting pada hari terakhir penilaian.

<b>Syarikat Pemohon</b>	<b>FGV Holdings Berhad – FGVPISB Serting Hilir Palm Oil Mill</b>
<b>RSPO Membership</b>	1-0225-16-000-00
<b>RSPO Palmtrace (RSPO PO_ID)</b>	RSPO_PO1000006998

<b>Butiran Pemohon</b>	Mr Ameer Izyanif Bin Hamzah <a href="mailto:ameer.h@fgvholdings.com">ameer.h@fgvholdings.com</a>  <b>Tel</b> : (603) 27891338 <b>Address:</b> Level 20 West, Wisma FGV, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur, Malaysia.
------------------------	---

<b>Maklumat ringkas perniagaan pemohon</b>	FGV Holdings Berhad ialah salah satu syarikat perladangan dan pengeluar MSM terbesar di dunia. Ditubuhkan pada 2007 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad, FGV pada mulanya beroperasi sebagai cabang komersial Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sebelum penjenaraannya di pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2012 sebagai Felda Global Ventures Holdings Berhad. FGV secara rasmi menukar namanya kepada FGV Holdings Berhad pada Jun 2018.  Dari rekod RaCP Tracker, Kompleks FGVPISB Serting Hilir tidak mempunyai proses New Planting Procedure (NPP) dan Remediation and Compensation Plan (RaCP) yang sedang berjalan dengan RSPO.
--	---

**MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI**

Nama Kilang Sawit	Kapasiti Kilang	Model Rantaian Bekalan	Lokasi	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)	
	MT/JAM		Alamat	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
FGVPISB Serting Hilir POM	60	MB	FGV Palm Industries Sdn. Bhd. Kilang Sawit Serting Hilir, 72120 Jempol, Negeri Sembilan, Malaysia.	102.981111 1 E	2.9930555 6 N	27,120	7,051

**RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI**

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
FGV Tembangau 03	Pejabat FGVPM Tembangau 03 28380 Kemayan Pahang. Malaysia.	102.53305556 E	3.04250000 N	2,357.98	2,178.26	32,000
FGV Tembangau 04	Pejabat FGVPM Tembangau 04 28380 Kemayan Pahang. Malaysia.	102.53283333 E	3.04288889 N	1,877.33	1,131.30	21,000
FGV Tembangau 05	Pejabat FGVPM Tembangau 05 28380 Kemayan Pahang. Malaysia.	102.53611111 E	3.03611111 N	2,178.44	1,936.68	13,600
FGV Tembangau 07	Pejabat FGVPM Tembangau 07. 28380 Kemayan, Pahang. Malaysia.	102.53166667 E	3.02861111 N	2,460.34	2,186.49	11,200
FGV Tembangau 08	Pejabat FGVPM Tembangau 08. 28380 Kemayan, Pahang. Malaysia.	102.58805556 E	2.98888889 N	1,754.00	1,626.83	9,000

Sambungan....

Nama Ladang / Pertubuhan	Alamat	Rujukan GPS		Ringkasan Luas (Ha)		Pengeluaran BTS Tahunan (MT)
		Longitude	Latitude	Jumlah	Ditanam	
FGV Tembangau 09	Pejabat FGVPM Tembangau 09. 28380 Kemayan, Pahang. Malaysia.	102.52222222 E	3.02722222 N	1,286.11	1178.75	19,000
FGV Serting Hilir 09	Pejabat FGVPM Serting Hilir 09. 72120 Jempol, Negeri Sembilan. Malaysia.	102.49888889 E	2.94527778 N	1,981.88	1,766.09	31,000
FGVAS Serting Hilir	PEJABAT Stesen FGVAS Serting Hilir. 72120 Jempol, Negeri Sembilan. Malaysia.	102.48888889 E	2.94722222 N	306.39	286.80	2,600
<b>JUMLAH</b>				<b>14,202.47</b>	<b>12,291.20</b>	<b>139,400</b>

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan RSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

**Global Gateway Certifications Sdn Bhd**

**Pengurus Scheme,**  
**Global Gateway Certifications Sdn Bhd,**  
No.10, Jalan Rasmi 7,  
Taman Rasmi Jaya,  
68000 Ampang,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Telephone: +60 3 4256 2689  
Fax: +60 3 4256 2687  
Email: [jamal@ggc.my](mailto:jamal@ggc.my) / [admin@ggc.my](mailto:admin@ggc.my)



Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

### **Mahaswaran Maliyappan (Ketua Juruaudit)**

Master Eksekutif dalam Peningkatan Keusahawanan [ Pengurusan Rantaian Bekalan ], Diploma Profesional dalam Amalan Pengurusan Antarabangsa, Diploma Siswazah dalam Pentadbiran Perniagaan, dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal.

Mempunyai pendedahan dan pengalaman yang luas dalam bidang kejuruteraan, kualiti, skema kelestarian, pengauditan pihak ke-2 & ke-3 dalam pelbagai industri dan memiliki rekod prestasi pengauditan yang terbukti pelbagai syarikat multinasional di dalam dan luar negara.

Jurulatih yang diperakui, Juruaudit Pematuhan / Utama untuk ISO 9001, 14001, OHSAS 18001, Sistem Pengurusan Anti Rasuah ISO 37001, Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan ISO 22000, MSPO, RSPO P&C, RSPO SCCS, RSPO Seterusnya. Sejak tahun 2020 menjadi Juruaudit Pematuhan Sosial Bersekutu ( ASCA ) – APSCA, Program Konvergensi Sosial & Buruh yang diluluskan ( SLCP ) Verifier, RBA Labor and Ethics ( LE ) dan Alam Sekitar, Kesihatan, dan Keselamatan ( EHS ), mempunyai rekod kecekapan untuk pengesahan / penilaian risiko pekerja migran terhadap kerangka Indikator Buruh Paksa ( ILO ) Organisasi Buruh Antarabangsa dan anggota Persatuan ESG Malaysia.

Sejak 2012 dilatih dalam program pensijilan pertanian seperti RSPO, MSPO dan SCCS dan memegang peranan sebagai juruaudit utama atau juruaudit dengan beberapa badan pensijilan tempatan dan luar negara. Anggota pasukan audit GGC RSPO. Mampu bertutur dan memahami Bahasa Malaysia, Inggeris, Tamil dan bahasa lisan asas Bahasa Indonesia.

### **Adnin Aminurrashid Bin Zilah (Juruaudit)**

Siswazah dalam Pengurusan Ladang dengan lebih daripada 10 tahun pengalaman dalam pelbagai syarikat perladangan dan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) termasuk Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Juga, mempunyai pengalaman lebih dari 5 tahun sebagai Juruaudit / Ketua Juruaudit dalam pelbagai audit skim. Telah menghadiri dan berjaya menamatkan kursus persijilan Ketua Juruaudit MSPO yang dijalankan pada Disember 2017. Terlibat dalam penilaian MSPO sejak 2018 yang dijalankan untuk banyak syarikat yang berbeza di Malaysia. Berjaya menamatkan kursus dalam Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2015 untuk Ketua Juruaudit pada tahun 2017 dan 2018.

Berpengalaman dalam mengendalikan ladang kepala sawit di kawasan mineral dan tanah gambut. Berpengetahuan dalam kawalan rumpai dan perosak & penyakit dalam sektor kelapa sawit. Memahami berhubung Industrial dan undang-undang buruh. Menghadiri kursus OSH 1994 & Alam Sekitar dan Latihan Keperluan Undang Undang & Peraturan yang berkaitan. Mengambil bahagian dalam Bengkel MSPO Peer Reviewer yang dijalankan oleh pihak MPOCC pada 2017. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

### **Mohd Azmi Samynathan bin Abdullah (Juruaudit)**

Graduan MBA dalam jurusan Pengurusan Sumber Manusia (University of Western Sydney) Sarjana Muda Perniagaan dalam Pentadbiran Perniagaan (RMIT University, Australia), Diploma Pengurusan Sumber Manusia (University Malaya) dan Sijil Pertanian dari Institut Pertanian Semenanjung Malaysia.

Beliau memiliki pengalaman luas dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia yang merangkumi lebih dari dua dekad dalam Industri pembuatan. Sebelum ini, beliau memegang pelbagai Jawatan Pengurusan Sumber Manusia & Pentadbiran dengan beberapa Syarikat Multinasional. Azmi mempunyai pengalaman luas dalam pengambilan Tenaga Kerja Asing, menguruskan proses Rundingan Damai di Jabatan Tenaga Kerja dan di Jabatan Perhubungan Perusahaan, menangani masalah Disiplin Pekerja, Kebajikan Pekerja, Mengkaji & Mengemas kini Dasar dan Prosedur Sumber Manusia.

Dia telah menasihati pengurusan syarikat sepanjang kariernya mengenai keperluan Undang-Undang Buruh. Selain dari itu, Mohd Azmi, adalah Anggota Panel Mahkamah Perhubungan Perusahaan Malaysia mewakili majikan yang telah dilantik oleh Menteri Sumber Manusia. Seterusnya, beliau juga merupakan Juruaudit “External Supply Chain Assurance System” (ESCAS) dalam industry ternakan dan telah menjalankan Audit di Malaysia, Brunei, Singapura dan Vietnam.

Selain pengalamannya yang luas dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia, Azmi juga merupakan juruaudit yang bertauliah dan berpengalaman dalam sistem audit pihak kedua dan ketiga. Dilatih sepenuhnya dalam audit Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2008 dan audit Kelestarian MSPO, MSPO-SCCS dan RSPO. Seterusnya beliau telah menghadiri “Social Auditing Workshop” di Melaka pada tahun 2019 yang dikendalikan oleh Verite. Beliau adalah ahli pasukan audit GGC dan boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan lancar.

### **Mohd Fadzli bin Bistamam (Juruaudit)**

Graduan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Biologi dan Pertanian dengan pengalaman kerja lebih dari 7 tahun di dalam Industri Perladangan Kelapa Sawit. Mempunyai lebih dari 7 tahun pengalaman bekerja di Industri Perladangan Kelapa Sawit dengan kemahiran dalam Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM). Pengalaman menguruskan pekerja ladang, pengendalian mineral dan tanah gambut serta berpengatahuan di dalam pengurusan racun untuk kawalan rumput dan makhluk perosak di sektor Ladang Kelapa Sawit.

Juga berkecualan sebagai Ketua Juruaudit dan terlibat dalam audit kelestarian dan Sistem Pengurusan untuk kebanyakan standard kelestarian seperti audit RSPO, ISCC dan MSPO. Telah berjaya menamatkan kursus-kursus seperti ISO 9001:2015, RSPO Lead Auditor Course, RSPO Supply Chain Certification Training, MSPO Training, ISCC EU & Plus Basic Training, ISCC Waste & Residue Training and ISCC Plus Training. Terlibat dalam bidang audit sejak dari tahun 2016 dan pernah menjalankan audit di negara Malaysia, Indonesia, Papua New Guinea, Ivory Coast, India and Singapore. Ahli pasukan MSPO audit GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan . Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
E-mel : \_\_\_\_\_  
Nombor Telefon : \_\_\_\_\_  
Ringkasan Isu : \_\_\_\_\_

Komen:

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan "SULIT" di penjuru atas borang tersebut.

Sekian. Terima kasih.


Yang benar,



**Muhd Jamalul Arif,**  
Pengurus Scheme,  
Global Gateway Certifications Sdn Bhd


Lampiran 1 – Peta Lokasi

1. FGV Tembangau 03







2. FGV Tembangau 04




3. FGV Tembangau 05




4. FGV Tembangau 07




5. FGV Tembangau 08



## 6. FGV Tembangau 09



7. FGV Serting Hilir 09



8. FGVAS Serting Hilir

